

Pastikan pengeluaran hasil tidak terjejas

KUALA LUMPUR 9 Nov. - Aspek kebijakan petani dan nelayan yang tidak disebut dalam Belanjawan 2019 perlu diperhalusi dalam belanjawan tambahan yang akan dibentangkan kerajaan Pakatan Harapan bagi memastikan kadar pengeluaran hasil dalam negara tidak terjejas.

Walaupun belanjawan yang dibentangkan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng memperlihatkan usaha kerajaan membantu golongan berpendapatan sederhana (B40), namun inisiatif itu dilihat tidak cukup untuk menambah baik kualiti pengeluaran golongan petani dan nelayan.

Mengulas perkara tersebut, Dekan Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi berkata, pemberian insentif dan bantuan amat diperlukan golongan petani dan nelayan bagi memastikan hasil pendapatan mereka bertambah.

“Sekiranya insentif dan bantuan tidak diberikan, pendapatan mereka akan terjejas dan menyebabkan hasil pengeluaran mereka berkurang. Secara tidak langsung, negara terpaksa bergantung kepada hasil import dari negara luar.

“Kebergantungan import ini akan menyebabkan kadar aliran tunai ke luar negara meningkat sekali gus meletakkan nilai ringgit berada dalam keadaan bahaya. Sepatutnya kita meningkatkan lagi hasil eksport bagi mengukuhkan ekonomi negara,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai nasib golongan petani dan nelayan dalam rancangan kerajaan untuk membentangkan belanjawan tambahan selepas Belanjawan 2019 dilaksanakan nanti.

Mengulas lanjut, Abdul Shukor berkata, antara perincian yang perlu diberi penekanan dalam belanjawan tambahan nanti adalah inisiatif untuk meningkatkan hasil pengeluaran golongan petani dan nelayan.

Selain itu, katanya, usaha untuk memodenkan industri pertanian juga perlu diberi perhatian oleh kerajaan dengan memberi peruntukan khas kepada universiti dan institusi pendidikan dalam negara bagi membolehkan penyelidikan berkenaan perkara itu dilaksanakan.



ABDUL SHUKOR